

# APO-ATENIDONE TABLETS

Atenolol (100mg) / Chlorthalidone (25mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Atenidone
2. Bagaimana Apo-Atenidone berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Atenidone
4. Cara menggunakan Apo-Atenidone
5. Semasa menggunakan Apo-Atenidone
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Atenidone
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apa kegunaan Apo-Atenidone

Ia adalah kombinasi 2 ubat iaitu atenolol dan chlorthalidone. Ia digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.

## Bagaimana Apo-Atenidone berfungsi

Atenolol tergolong dalam kelas ubat-ubatan yang dipanggil *beta-blockers*. Ia berfungsi dengan mengurangkan beban kerja jantung. Chlorthalidone tergolong dalam kelas ubat-ubatan yang dikenali sebagai diuretik (pil air). Ia berfungsi dengan menyingkirkan lebihan garam dan air.

## Sebelum menggunakan Apo-Atenidone

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan ubat ini jika anda:

- Alah kepada atenolol, chlorthalidone atau mananya bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini
- Mengalami keadaan yang dikenali sebagai kejutan kardiogenik (berlaku apabila

jantung tidak dapat mengepam darah mengikut keperluan badan )

- Mengalami keadaan yang dikenali sebagai *pheochromocytoma* (sejenis tumor yang mungkin boleh menyebabkan hipertensi) yang belum dirawati.
- Mengalami keadaan yang dikenali sebagai kegagalan ventrikel kanan (sejenis masalah jantung) yang disebabkan oleh *pulmonary hypertension*(tekanan darah menjadi sangat tinggi di dalam arteri paru-paru).
- Mengalami kadar denyutan jantung yang amat perlahan
- Mengalami sekatan jantung yang serius, juga dikenali sebagai sekatan atrioventrikel (AV)
- Mengalami asidosis metabolismik (sejenis masalah di mana badan anda menghasilkan terlalu banyak asid)
- Mengalami gangguan arteri periferal yang teruk (penyumbatan aliran darah ke anggota badan )
- Mengalami sindrom sakit sinus
- Mengalami kegagalan jantung kongestif yang tidak terkawal
- Mempunyai tekanan darah yang sangat rendah

### - Sebelum mula mengambil

Beritahu kepada doktor jika:

- Anda mempunyai sebarang keadaan perubatan.
- Anda mempunyai *hyperuricemia* (asid urik berlebihan dalam darah)
- Anda mempunyai masalah buah pinggang.

- Anda mempunyai *thyrotoxicosis* (lebihan hormon tiroid dalam badan)
- Anda pernah mempunyai reaksi alergi
- Anda mengalami peredaran darah yang lemah atau kegagalan jantung terkawal.
- Anda mengalami sekatan jantung darjah pertama
- Anda mengalami sakit dada menusuk yang bukan disebabkan oleh senaman (angina tidak stabil)
- Anda menghidapi kencing manis dan gula dalam darah berada di tahap yang rendah (hipoglisemia)
- Anda pernah mengalami penyakit kulit yang dipanggil psoriasis
- Anda mengandung, bercadang untuk hamil atau sedang menyusu bayi.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu kepada doktor tentang kesemua jenis ubat-ubatan yang anda gunakan terutamanya:

- ejen-ejen anestetik
- *clonidine*
- ubat-ubatan kencing manis
- *diltiazem*
- *nifedipine*
- ubat antiradang bukan steroid (NSAID), seperti *ibuprofen*.
- *beta-blockers* lain (misalnya, *propranolol, metoprolol*)

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

**Cara menggunakan Apo-Atenidone****- Berapa banyak harus digunakan**

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa: Dos yang disyorkan ialah 1 tablet setiap hari. Jika tekanan darah tidak dapat dikawal sepenuhnya, doktor anda boleh memberi ubatan merendahkan tekanan darah tambahan yang berfungsi dalam cara yang berbeza.

Kanak-kanak: Tidak digalakkkan

Pesakit tua: Keperluan Dos sering lebih rendah dalam kumpulan umur ini.

**- Bila perlu digunakan**

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda

**- Berapa lama perlu digunakan**

Jangan berhenti mengambil tanpa terlebih dahulu berbincang dengan doktor anda. Berhenti secara tiba-tiba boleh menyebabkan keadaan anda menjadi lebih buruk.

**- Berapa lama perlu digunakan**

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat balik. Walau bagaimanapun, jika ia hampir sampai masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan mengambil hanya dos seterusnya sepetimana yang dijadualkan. Jangan menggandakan dos ubat ini.

**- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Jika mengambil dos berlebihan, dalam semua kes, rawatan harus dihentikan dan anda perlu menghubungi doktor atau pergi ke

bahagian kecemasan di hospital yang terdekat dengan serta-merta.

Sимptom-sимptom pengambilan yang berlebihan termasuk bradikardia (degupan jantung yang rendah), hipotensi (tekanan darah rendah), *acute cardiac insufficiency* (sejenis kegagalan jantung di mana jantung tidak dapat mengepam darah yang mencukupi ke seluruh badan) dan bronkospasma (halangan saluran udara)

**Semasa menggunakan Apo-Atenidone****- Perkara yang perlu dilakukan**

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Atenidone.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

**- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Atenidone dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

**- Perkara yang perlu diberi perhatian*****Memandu dan menggunakan jentera***

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan

hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperi ubat-ubatan lain, Apo-Atenidone boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan termasuk *bradycardia* (kadar jantung turun), pening, sakit kepala, perubahan perasaan, mulut kering, rasa mual, mata kering, reaksi kulit, bronkospasma (penyempitan saluran udara) pada pesakit asma.

Ini bukanlah senarai lengkap kesan-kesan sampingan. Kesan sampingan lain mungkin berlaku

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan****- Penyimpanan**

Anda diingatkan supaya menyimpan Apo-Atenidone dan semua ubat-ubat lain jauh daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh bulan dan tahun seperti mana yang ditulis pada EXP di bekas.

Simpan Apo-Atenidone pada suhu bilik (di bawah 25 ° C).

- Pelupusan

Tanya ahli farmasi apa yang perlu dilakukan dengan baki tablet jika doktor mengarah anda berhenti mengambilnya, atau telah lupus tarikh penggunaannya.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar

**Maklumat Lanjut**

- Rupa dan warna produk

Putih, bulat, tablet dwicembung. Berskor dan terukir "100" atas "25" di satu permukaan dan diukir "APO" di permukaan yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif: Atenolol dan Chlorthalidone

Bahan-bahan tidak aktif:

*Microcrystalline cellulose, crospovidone, magnesium stearate dan colloidal silicon dioxide.*

- Nombor MAL

MAL 06091411A

**Pengilang**

Apotex Inc.  
150 Signet Drive  
Weston Toronto Ontario  
M9L 1T9 Canada

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaforte (M) Sdn Bhd  
2, Jalan PJU 3/49  
Sunway Damansara  
47810 Petaling Jaya

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

22/1/2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)130115/00011